

22/07/2001

Dr Mahathir lancar Juara

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam melancarkan edisi terbaru kereta nasional - Proton Juara dalam majlis penuh warna-warni di perkarangan Kuala Lumpur City Centre (KLCC), di sini.

Kenderaan pelbagai guna (MPV) mini itu adalah edisi ke-11 keluaran pembuat kereta nasional, Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton). Model Proton sebelum ini ialah Saga, Iswara, Wira, Tiara, Putra, Satria, Satria Gti, Perdana, Perdana V6 dan Waja.

Dr Mahathir menyifatkan model Juara itu agak unik kerana ia kenderaan pelbagai guna yang menampilkan satu gaya hidup baru.

"Juara boleh diguna untuk macam-macam - untuk keluarga, generasi muda dan sukan. Elemen unik Juara yang lain ia mempunyai pintu belakang di kedua-dua sisi," katanya.

Meskipun Juara mempunyai kekuatan enjin 1.1 liter, kenderaan itu sebenarnya mempunyai kuasa sama dengan kapasiti enjin 1.3 liter.

Majlis pelancaran MPV itu dimulakan dengan upacara simbolik apabila Dr Mahathir menembak pistol sebagai isyarat kemunculan sebuah Juara berwarna kuning yang ditarik oleh Orang Kuat Malaysia, R Letchemunah.

Pada majlis itu, Proton turut memberi penghargaan kepada juara sukan terbaru Malaysia, juara bina badan Sazali Samad yang ditabalkan Mr Universe dan juara bowling Master, Shalin Zulkifli.

Antara ciri keselamatan dan reka bentuk istimewa Juara ialah lampu halogen, bumper depan yang bergaya, penghias sisi menarik, besi penghadang sisi, bumper belakang diperbesar dan stering yang boleh diubah kedudukan naik dan turun.

Disebabkan ia direka bentuk untuk mudah dipandu oleh sesiapa, Proton dan Lotus memasang enjin MPV mini itu untuk dikendalikan seperti kereta, ketika memandu dan meletak kereta.

Bagi keselesaan memandu, Proton Juara bercirikan transmisi automatik empat kelajuan dan menggunakan kuasa enjin SOHC ekonomi 1.1 liter 16-valve yang memberikan kuasa maksimum 53 kWatts pada 6,000 RPM.

Juara akan berada di bilik pameran dan jualan pengedar Proton, Proton Edar Sdn Bhd selepas pelancaran hari ini dengan harga atas jalan RM49,203.62, termasuk aksesori standard.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Proton, Tan Sri Mohd Hassan Merican dan Ketua Eksekutifnya, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Arif.

Sementara itu, Tengku Mahaleel berkata, Proton kini membuat komitmen untuk memperkenalkan sekurang-kurangnya sebuah model baru setahun.

"Tapi, model terbaru selain Juara tahun ini masih lagi bergantung kepada keupayaan kami membuat ujian dan memenuhi mutu piawaian yang dikehendaki," katanya.

Beliau yakin jualan Juara boleh mencapai 5,000 hingga 6,000 unit menjelang akhir tahun ini meskipun sasaran jualan sebenar 10,000 unit setahun.

Katanya, Juara hanya akan diedarkan oleh anak syarikat Proton, Proton Edar Sdn Bhd.

"Proton Edar satu-satunya syarikat yang mengikat perjanjian untuk mengedarkan Juara, tapi Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) belum lagi," katanya.

Selain pasaran tempatan, Proton akan mengeksport Juara dalam masa dua atau tiga tahun lagi selepas melakukan proses kejuruteraan semula selesai dilakukan.

Tengku Mahaleel juga menjelaskan Juara sudah menjalankan perubahan "kosmetik" termasuk penyelesaian panduan (handling), berbanding model asal yang dipinjam daripada Mitsubishi.

(END)